

Najib lancar kempen Tahun Melawat Malaysia 2014
Utusan Online
12 Januari, 2013

PUTRAJAYA 11 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka melancarkan kempen promosi Tahun Melawat Malaysia 2014 di Stadium Bukit Jalil pada 19 Januari ini.

Karnival pelancongan bermula dari 18 hingga 20 Januari tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan sektor swasta mengenai kepentingan Tahun Melawat Malaysia 2014 kepada ekonomi negara.

Menteri Pelancongan, Datuk Seri Dr. Ng Yen Yen (**gambar**) berkata, orang ramai yang mengunjungi karnival tersebut berpeluang mengetahui program-program pelancongan ditawarkan di negara ini serta perkembangan dalam industri.

"Pameran dan bazar akan diadakan untuk mempromosi produk-produk pelancongan di Malaysia," katanya dalam sidang akhbar di kementeriannya di sini hari ini.

Antara acara menarik yang dijalankan sepanjang karnival itu adalah bazar buah-buahan, pameran tanglung, pameran seni kontemporari, pameran motosikal dan basikal serta persembahan artis serta gendang yang mewakili pelbagai kaum.

Katanya, kementerian menjalankan kempen intensif untuk mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2014 tersebut bagi menarik kemasukan sebanyak 36 juta pelancong menjelang 2020.

Orang ramai yang menghadiri karnival tersebut juga berpeluang mendapatkan pelbagai pakej istimewa melalui 200 gerai dikendalikan pengusaha hotel dan agensi pelancongan.

"Pelbagai aktiviti dan pertandingan juga diadakan dengan menawarkan hadiah-hadiah menarik kepada pengunjung kanak-kanak dan dewasa.

"Medan Selera 1Malaysia turut diwujudkan di tapak karnival dengan menawarkan pelbagai makanan tradisi seperti nasi lemak, rojak, mi rebus dan nasi ayam," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130112/dn_04/Najib-lancar-kempen-Tahun-Melawat-Malaysia-2014